

Pelaksanaan bakal timbulkan masalah, kekeliruan pengguna

Kuala Lumpur: Pemberian rebat Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) bagi tambah nilai prabayar dalam tempoh 24 jam, dijangka menimbulkan masalah dan kekeliruan dalam kalangan pengguna.

Timbalan Presiden Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Mohd Yusof Abdul Rahman, berkata kekeliruan itu dijangka berpunca dari pemahaman masyarakat dan pelaksanaan pembayaran rebat kepada pengguna.

Katanya, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) sewajarnya menyelaraskan sahaja

pembelian tambah nilai tanpa mengenakan GST atau pemberian rebat kepada pengguna bagi mengelak kekeliruan terbabit.

"Kenapa tidak mendapat RM10 sahaja ketika pengguna menambah nilai prabayar mereka tanpa mengenakan sebarang kadar GST? Jika rebat ini berterusan, ia juga akan menyusahkan syarikat telekomunikasi (TELCO) kerana perlu membuat kerja dua kali.

"Sebagai contoh, pengguna menambah nilai RM10, pengguna mendapat kredit bernilai RM9.43 selepas dipotong GST sebanyak 57 sen (enam peratus), kemudian pengguna akan mendapat kem-

bali 57 sen sebagai rebat dalam tempoh 24 jam. Tidakkah itu seperti membuat dua kali kerja?" katanya.

Pantau TELCO, pengedar langgar peraturan

Mohd Yusof berkata, SKMM perlu memantau TELCO, pengedar dan ejen perkhidmatan supaya mereka tidak melanggar peraturan yang ditetapkan.

"Pemantauan perlu sekerap mungkin dan tindakan tegas perlu diambil bagi mereka yang masih mengenakan GST tanpa pulangan rebat kepada pengguna," katanya.

Kakitangan swasta, Nur Amira



SKMM sewajarnya menyelaraskan sahaja pembelian tambah nilai tanpa mengenakan GST atau pemberian rebat kepada pengguna bagi mengelak kekeliruan terbabit"

Mohd Yusof Abdul Rahman,
Timbalan Presiden FOMCA

Ismail, 25, yang juga pengguna prabayar, berkata walaupun pemberian rebat itu sesuatu yang baik, dari sudut pelaksanaannya mungkin tidak telus.

"Jika pemberian rebat itu dibayar dalam tempoh 24 jam, mungkin ada pengguna tidak mendapat jumlah yang sama kerana akan berlaku pertindihan bayaran rebat," dakwanya.

Pelajar, Nick Thompson Baris, 24, berkata ia sesuatu yang rumit kerana membabitkan sistem di TELCO.

"Kemungkinan sistem TELCO untuk memproses rebat terbabit akan mengalami masalah jika perlu dikembalikan dalam tempoh 24 jam.

"Ini kerana pengguna prabayar di negara ini sangat ramai dan mereka berhak membuat aduan jika tidak mendapat 57 sen itu dalam masa 24 jam," katanya.